

03/02/1997

Kelonggaran institusi keluarga jadi punca

Mohamad Hussin

ISU keruntuhan akhlak remaja yang digembar-gemburkan sejak akhir-akhir ini, memang patut diberi perhatian oleh semua pihak. Sudah tiba masanya ibu bapa, guru dan juga kerajaan bertindak tegas menangani masalah ini yang semakin hari semakin serius.

Saban tahun pelbagai isu dikemukakan membabitkan golongan remaja sehingga belumpun satu isu diselesaikan timbul pula isu yang lain. Belumpun habis kita berbicara mengenai isu bohsia dan bohjan, timbul pula isu remaja yang terikut-ikut dengan budaya punk, skin head dan sebagainya.

Semua ini menggambarkan seolah-olah remaja kita tidak mempunyai 'pendinding', tidak memiliki ketahanan dalam arus hidup di zaman yang serba mencabar ini. Berbeza dengan remaja 20 atau 30 tahun lalu yang rata-rata memiliki asas agama dan juga moral yang lebih kuat bagi dijadikan 'pendinding' apabila menghadapi pengaruh negatif.

Memandangkan keseriusan isu inilah mendorong Kabinet memutuskan kurikulum dan pendekatan pendidikan agama di sekolah-sekolah dirombak bagi meningkatkan ketahanan dalaman generasi muda dalam menangani budaya negatif.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gejala Sosial yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu berpendapat punca keruntuhan akhlak remaja hari ini adalah disebabkan kelonggaran ketahanan dalaman remaja dan sehubungan itu berpendapat pendidikan Islam haruslah diubah supaya ia menjuruskan kepada pembinaan dalaman remaja.

Umum mengetahui bahawa remaja adalah golongan pewaris pemimpin negara pada masa depan. Merekalah yang akan menerajui pucuk kepimpinan negara ini atau sekurang-kurangnya menjadi pemimpin dalam keluarga masing-masing. Jika isu ini berterusan dan tidak dapat diselesaikan dari sekarang, sudah pasti Malaysia bakal mempunyai pemimpin yang lemah jiwanya dan pemimpin yang lemah jiwa pastinya pula membawa negara menuju kehancuran.

Mengubahsuaikan kurikulum pendidikan agama seperti yang dicadangkan adalah satu langkah yang sangat dialu-alukan. Pun begitu ia hanyalah sebahagian daripada penyelesaian kepada masalah yang dilihat kini menjadi nanah yang nampak sukar dipulihkan. Sekurang-kurangnya kita boleh berharap generasi yang masih muda atau di bangku sekolah rendah mendapat manfaat daripada kurikulum baru pendidikan agama dan sekaligus menghindarkan mereka daripada terjerumus ke lembah keruntuhan akhlak.

Kita mengakui rombakan kurikulum dan pengubahsuaian pendekatan pendidikan agama tidak sepenuhnya dapat menjamin penyelesaian kepada masalah remaja. Ia juga belum dapat membina daya ketahanan yang ampuh di jiwa remaja. Seperti kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lalu, isu ini menuntut komitmen semua pihak termasuk individu, keluarga dan juga sikap masyarakat keseluruhannya.

Satu aspek yang dikira cukup memberi kesan negatif terhadap remaja ialah kelonggaran sistem kekeluargaan di kalangan rakyat. Kita harus mengakui ramai ibu bapa yang tidak lagi memikul tanggungjawab sebenar sebagai ketua keluarga. Tanggungjawab memberi didikan agama hampir diabaikan kerana masing-masing sibuk dengan tugas harian. Malah ada yang menyerahkan tanggungjawab itu sepenuhnya kepada pihak sekolah. Ada juga yang tidak menghiraukan sama ada anak mereka mendapat didikan agama yang cukup asalkan anak-anak dapat meneruskan persekolahan. Akibatnya pelajar ini terkapai-kapai apabila tamat pengajian, tidak tahu menilai buruk baik

kelakuan mereka. Ini juga menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gejala buruk yang dibawa dari Barat.

Menyentuh mengenai sikap masyarakat kini, kita dapat merasakan betapa anak-anak diberikan pelbagai kemewahan. Ibu bapa yang berada contohnya, terlalu bermurah hati dan bersedia memenuhi setiap kehendak anak mereka. Anak-anak yang belum dapat menilai erti hidup, disuap dengan pelbagai kemewahan. Belanja sekolah misalnya, ada ibu bapa yang memberi jumlah yang terlalu besar. Malah ada yang memberi `elaun' persekolahan sehingga RM200-RM300 sebulan kepada anak mereka. Kita pastinya tidak menjangka seorang anak mentah dapat memanfaatkan sepenuhnya `elaun' sebegini. Namun kita merasakan banyak buruk daripada baik kesan daripada sikap `murah hati' ibu bapa ini.

Kerana itu, tidak hairanlah jika kita mendapati pusat-pusat hiburan dipenuhi remaja. Dan tidak hairanlah juga makin banyak pusat-pusat hiburan dibuka di seluruh negara kerana ia dikunjungi pelanggan. Kurangnya kawalan daripada ibu bapa pastinya menyebabkan keadaan ini bertambah buruk.

Sehubungan itu kita amat mengalu-alukan saranan supaya tindakan lebih tegas dikenakan terhadap pusat-pusat hiburan. Ini kerana pusat-pusat hiburan seperti arked video, pusat karaoke, disko dan kelab-kelab malam terlalu banyak menggamit perhatian remaja masa ini. Malah kita juga dapati banyak taman perumahan kini yang turut memiliki pusat-pusat seumpama ini.

Akibatnya ada di kalangan pelajar yang menjadi pengunjung tetap dengan menipu ibu bapa kononnya ke kelas tuisyen atau ke sekolah sedangkan mereka sebenarnya ponteng. Barangkali kebenaran bagi rumah-rumah kedai di taman perumahan mengadakan pusat seumpama ini wajar dinilai semula.

(END)